

Nilai tambah untuk kenderaan

Oleh MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

BIODIESEL merupakan sumber tenaga bahan bakar yang diperbuat daripada reaksi kimia antara alkohol, minyak sayuran serta lemak dan melalui proses penapisan gliserin telah disingkirkan kerana ia merupakan bahan yang tidak baik untuk enjin kenderaan.

Selain itu, biodiesel juga mengurangkan pengeluaran gas-gas seperti karbon monoksida, karbon dioksida, sulfur dioksida dan juga bahan-bahan terampai yang bukan sahaja berbahaya kepada kehidupan manusia, malah akan menjahanamkan sistem ekologi jangka masa panjang.

Memandangkan bahawa biodiesel berasal dari tumbuhan, maka ia boleh dijana semula tidak seperti petroleum yang akan habis dan tidak dapat dijana semula. Ia juga salah satu kurniaan Tuhan yang dapat memartabatkan lagi industri pertanian yang semakin lesu.

Biodiesel juga merupakan pelincir semula jadi yang memberikan reaksi yang baik terhadap enjin kenderaan. Suatu perkara yang menarik ialah hasil pengeluaran dari ekzos kenderaan akan berbau seperti bau menggoreng makanan kerana ia berasal dari sumber yang sama dengan sumber minyak masak (jika menggunakan kelapa sawit sebagai bahan utama).

Dalam usaha untuk menjadi negara maju, kita perlulah mengambil insentif untuk mencari alternatif sumber bahan bakar baru dan di rantau ASEAN, negara yang telah banyak melibatkan diri dalam proses pengenalan dan mengkomersialkan bahan bakar berasaskan biodiesel adalah negara Filipina.

Kenderaan berenjin diesel tidak memerlukan perubahan enjin jika ingin menggunakan biodiesel namun adalah digalakkan untuk menukar hos getah di dalam bahagian enjin dengan hos yang berasaskan getah sintetik untuk memberikan ketahanan yang berpanjangan. Kenderaan yang menggunakan biodiesel adalah amat mudah untuk diselia dan dijaga.

Salah satu daripada masalah utama biodiesel ialah daya tahan ketika cuaca yang amat sejuk di mana ia akan menjadi berkeladak dan berkemungkinan menjadi kristal dalam suhu menghampiri sifar.

Apabila biodiesel menjadi dalam bentuk kristal, maka ia akan menyebabkan enjin dan juga salur minyak akan tersumbat. Namun semua masalah tersebut tidak berlaku di negara kita kerana kita mempunyai iklim yang amat sesuai untuk penggunaan biodiesel. Jika kita sedar, kebanyakan pengeluar kenderaan tidak kira sama ada kenderaan mewah mahupun kenderaan mampu milik di luar negara telah mula mengeluarkan kenderaan yang mempunyai enjin diesel. Ini adalah untuk membolehkan kenderaan tersebut menerima biodiesel sebagai bahan bakar utama. Kemungkinan besar ini adalah merupakan peluang yang perlu diambil oleh Proton dalam memberikan nilai tambah kepada kenderaan mereka akan datang.